



Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan, September 2024

INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN

SEPTEMBER 2024

Indeks Harga Pengeluar Malaysia
menurun 2.1 peratus pada September 2024

[Tahun ke Tahun]

[Bulan ke Bulan]

IHPR MENGIKUT SEKTOR



Pertanian,
Perhutanan & Perikanan

5.8%

Ogos 2024 :
2.7%

1.6%

Ogos 2024 :
-2.7%



Perlombongan

-16.1%

Ogos 2024 :
-8.3%

-3.4%

Ogos 2024 :
-6.8%



Pembuatan

-1.5%

Ogos 2024 :
1.0%

-1.7%

Ogos 2024 :
-0.2%



Bekalan Elektrik & Gas

0.3%

Ogos 2024 :
1.0%

-0.3%

Ogos 2024 :
0.6%



Bekalan Air

7.8%

Ogos 2024 :
8.0%

-0.5%

Ogos 2024 :
-0.8%

September
2024

-2.1%

Ogos 2024

0.3%

September
2024

-1.5%

Ogos 2024

-0.9%

Nota :

■ Tahun ke Tahun

■ Bulan ke Bulan

IHPR MENGIKUT PERINGKAT PEMROSESAN

Bahan mentah untuk
diproses selanjutnya



-9.5%

Ogos 2024 :
-3.5%

-2.6%

Ogos 2024 :
-3.5%

Bahan perantaraan,
bekalan & komponen



-1.1%

Ogos 2024 :
0.2%

-1.1%

Ogos 2024 :
-0.8%

Barang siap



1.5%

Ogos 2024 :
3.5%

-1.8%

Ogos 2024 :
0.6%

IHPR NEGARA TERPILIH

Amerika Syarikat



Sep 2024 : 1.8%
Ogos 2024 : 1.9%

P.R. China



Sep 2024 : -2.8%
Ogos 2024 : -1.8%

Jepun



Sep 2024 : 2.8%
Ogos 2024 : 2.6%

Republik Korea



Sep 2024 : 1.0%
Ogos 2024 : 1.6%

Taiwan



Sep 2024 : -0.3%
Ogos 2024 : 1.6%


Indonesia




Sep 2024 : 2.2%
Ogos 2024 : 2.8%

IHPR SEP 2023 – SEP 2024

IHPR SEPT 2023 – SEPT 2024



ST3 2012 – ST3 2024



Sumber : Indeks Harga Pengeluar (2010=100) Pengeluaran Tempatan, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



Indeks Harga Pengeluar Malaysia turun 2.1 peratus pada September 2024, penurunan kedua dicatatkan tahun ini selepas Januari 2024

- Indeks Harga Pengeluar Malaysia (IHPR turun sebanyak 2.1 peratus pada September 2024, berbanding kenaikan 0.3 peratus pada bulan sebelumnya.
- Penurunan IHPR Pengeluaran Tempatan bagi September 2024 dipengaruhi terutamanya oleh sektor Perlombongan, yang mencatatkan penurunan dua angka 16.1 peratus (Ogos 2024: -8.3%). Kedua-dua indeks Pengekstrakan petroleum mentah dan Pengekstrakan gas asli masing-masing turun sebanyak 18.6 peratus dan 7.9 peratus. Pada masa yang sama, sektor Pembuatan menguncup 1.5 peratus (Ogos 2024: 1.0%), disebabkan oleh indeks Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-18.7%). Sementara itu, sektor Pertanian, perhutanan & perikanan meningkat 5.8 peratus (Ogos 2024: 2.7%) dengan indeks Penanaman tanaman kekal mencatatkan peningkatan 11.2 peratus. Bagi sektor utiliti, indeks Bekalan air meningkat 7.8 peratus, manakala indeks Bekalan elektrik & gas meningkat sebanyak 0.3 peratus.
- Pada asas bulanan, IHPR Pengeluaran Tempatan terus turun 1.5 peratus pada September 2024 (Ogos 2024: -0.9%). Sektor lain mencatatkan penurunan kecuali sektor Pertanian, perhutanan & perikanan yang meningkat 1.6 peratus. Sektor Perlombongan merosot 3.4 peratus dan sektor Pembuatan terus menurun 1.7 peratus. Sektor Bekalan air juga turun 0.5 peratus dan Bekalan elektrik & gas merosot 0.3 peratus.
- Indeks Barang siap meningkat 1.5 peratus (Ogos 2024: 3.5%) disumbangkan oleh indeks Kelengkapan modal (3.5%). Sementara itu, indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya menurun 9.5 peratus (Ogos 2024: -3.5%), disebabkan oleh indeks Bahan bukan makanan (-11.3%). Indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen juga turun 1.1 peratus (Ogos 2024: 0.2%) disebabkan oleh bahan api yang diproses & pelincir (-11.0%).
- Pada asas bulanan, semua peringkat pemprosesan mencatatkan penurunan pada bulan ini. Indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya menurun 2.6 peratus, manakala indeks Barang siap merosot 1.8 peratus. Indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen pula turun 1.1 peratus.
- IHPR Pengeluaran Tempatan mencatatkan penurunan perlahan 0.2 peratus pada suku ketiga 2024 berbanding 1.6 peratus pada suku kedua 2024, disebabkan terutamanya oleh sektor Perlombongan (-7.7%). Sebaliknya, sektor Pertanian, perhutanan & perikanan meningkat 4.0 peratus, manakala sektor Pembuatan meningkat 0.2 peratus. Manakala Bekalan air dan Bekalan elektrik & gas masing-masing meningkat sebanyak 8.2 peratus dan 0.5 peratus. Sementara itu, IHPR menyusut 1.6 peratus suku tahun ke suku tahun, berbanding 1.1 peratus pada suku kedua 2024 yang dikaitkan dengan semua sektor kecuali Bekalan air.

Dikeluarkan oleh: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia



BANI 2024
KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN



MALAYSIA
MADANI

